

30 JUN 1998

ANWAR-SRR

PEMOTONGAN SRR RENDAHKAN TEBARAN BANK, KATA ANWAR

KUALA LUMPUR, 30 Jun (Bernama) -- Pemotongan dua peratus dalam Keperluan Rizab Berkanun (SRR) institusi kewangan yang berkuatkuasa esok dijangka merendahkan tebaran kadar faedah mereka, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, hari ini.

"Dengan pengurangan dalam SRR, kami menjangkakan tebaran bank boleh dikurangkan manakala kadar deposit tetap kekal tidak berubah dan kadar pemberian pinjaman boleh diturunkan," katanya.

`Tebaran' adalah margin keuntungan bank di mana ia mengenakan bayaran kepada pemimjam berasaskan kepada kadar asas pinjaman (BLR).

Anwar berkata potongan SRR itu adalah sejajar dengan gesaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi pengurangan dalam kadar faedah yang efektif agar perniagaan-perniagaan tidak terlebih bebanan.

Walaupun potongan SRR akan mengalirkan mudah tunai tambahan ke dalam sistem perbankan, penyediaan lebih banyak dana bagi pinjaman bergantung kepada sikap institusi kewangan dalam mengeluarkan bayaran pinjaman, katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Universiti Islam Antarabangsa (UIA) di sini.

Dana yang bernilai kira-kira RM8 bilion dijangka akan dapat dimasukkan ke dalam sistem perbankan dengan pengurangan SRR kepada lapan peratus.

"Bagaimanapun masih terdapat bank-bank yang terlalu berhati-hati dan enggan menyediakan pinjaman," tambah Anwar yang juga Menteri Kewangan.

Beliau berkata meskipun kerajaan menetapkan sasaran pertumbuhan kredit sebanyak 20 peratus bagi suku tahunan pertama tahun ini, sesetengah bank gagal mematuhi arahan itu malahan mencatatkan pertumbuhan pinjaman kurang daripada dua peratus.

Mengenai Public Bank, yang mencatatkan pertumbuhan kredit tidak memuaskan sebanyak 1.6 peratus, Anwar berkata bank itu telah memberi jaminan bahawa ia sedang membuat beberapa pengubahsuaian untuk meningkatkan pertumbuhan pinjaman.

Anwar juga diminta mengulas mengenai kenyataannya di satu majlis yang dihadiri oleh Setiausaha Perbendaharaan AS Robert Rubin semalam bahawa kadar faedah semasa di Malaysia adalah tinggi.

Beliau berkata: "Apa yang saya cadangkan adalah arahan konvensional untuk meningkatkan kadar faedah bagi membendung inflasi dan mengurangkan spekulasi ke atas matawang dibenarkan, tetapi rejim kadar faedah tinggi akan terus mengakibatkan penyusutan ekonomi kerana ia akan menyebabkan aktiviti perniagaan berkurangan atau tidak berdaya maju.

Oleh itu, terdapat keperluan untuk mewujudkan keseimbangan antara kadar faedah tinggi dengan kapasiti bank untuk terus mengurangkan kredit, katanya.

"Ia tidak boleh terlalu rendah seperti ketika keadaan sebelum krisis dan juga tidak boleh terlalu tinggi seperti yang dilaksanakan oleh negara-negara jiran. Apa yang kami lakukan sekarang, di samping mengekalkan sedikit sebanyak dasar kadar tinggi, kami mahu tebaran itu dikurangkan agar kadar faedah efektif itu dapat direndahkan dengan perlahan-lahan," tambahnya.

Beliau menyatakan perkara itu sudahpun dilaksanakan dengan cadangan-cadangan khusus oleh bank-bank, sambil menambah Maybank, bank perdagangan terbesar di negara ini telah mendahului dengan mengambil langkah mengurangkan tebarannya.

-- BERNAMA

AD ZK MA